



SIARAN MEDIA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

YIM PERKUKUH INOVASI AKAR UMBI: LAWATAN KERJA KSU MOSTI KE LANGKAWI TINJAU PELAKSANAAN PROJEK BERIMPAK TINGGI

Lawatan merangkumi pemantauan projek pemuliharaan biodiversiti, teknologi akuakultur inovatif, serta fasiliti pembelajaran digital ke arah pemerkasaan komuniti setempat

LANGKAWI, 19 MEI 2025 – Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah menerima lawatan kerja rasmi daripada Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad ke beberapa lokasi pelaksanaan projek berimpak tinggi di Langkawi, Kedah. Lawatan ini merangkumi inisiatif di bawah pelaksanaan MOSTI dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) yang memberi tumpuan kepada pembangunan inovasi, teknologi tempatan serta pemerkasaan komuniti setempat.

Lawatan dimulakan dengan sesi pemantauan Program Rehabilitasi dan Konservasi Gamat Emas yang diadakan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pendaratan Sg. Chenang, Langkawi. Delegasi telah dibawa ke Pulau Singa Besar untuk menyaksikan pemantauan *live monitoring* bagi Rangka Restorasi dan Hidupan Laut, termasuk pelepasan 20 ekor induk gamat dan 200 ekor juvenil gamat. Objektif utama program ini adalah untuk melestarikan industri gamat tempatan melalui pemuliharaan biodiversiti dan penggunaan teknologi tempatan bagi tujuan konservasi dan peningkatan sosioekonomi komuniti.

Menurut Dr. Sharmila Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif YIM, "Program ini bukan sahaja membantu dalam pemuliharaan biodiversiti tetapi juga memberi manfaat kepada komuniti setempat melalui pemerkasaan ekonomi dan inovasi teknologi. Langkawi mempunyai potensi besar sebagai hab inovasi komuniti dan kami di YIM akan terus menyokong inisiatif yang mendekatkan teknologi kepada masyarakat."

Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia (ASM), Puan Hazami Habib turut berkata, "Adalah menjadi harapan besar ASM untuk melihat model pengurusan perniagaan seperti ini dikembangkan dan diterapkan dalam pelaksanaan projek-projek berskala besar."

Projek Gamat Emas ini membuktikan kolaborasi pintar penyelidik, agensi dan industri dapat direalisasikan dengan pengurusan model perniagaan yang efektif antara dua (2) universiti iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), serta YIM bertanggungjawab sebagai Agensi Pelaksana dan Pemantau (APP) dan ASM sebagai Agensi Penyelaras (AP).

Seterusnya, lawatan diteruskan ke *Crab Farm* Langkawi bagi melihat pelaksanaan projek inovasi iaitu Sistem Pintar Penternakan Ketam (SeppeK) dan Penternakan Ketam Kulit Lembut (*V-Crabs*). Lawatan ini turut disertai oleh Timbalan Menteri MOSTI, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal bersama pegawai-pegawai MOSTI dan inovator tempatan.

Projek SeppeK telah menerima geran berjumlah RM180,000 di bawah Program *Inclusive SME Ecosystem* (i-SEE) Tahun 2022, manakala projek *V-Crabs* menerima geran RM50,000 melalui Program MaGRIs/MyIS Akar Umbi Tahun 2024 dan RM80,000 melalui Program Rintis Pengkomersialan Inovasi Sosial. Kedua-dua projek ini memperlihatkan potensi besar dalam memperkasa ekonomi komuniti melalui pendekatan teknologi inovatif dalam sektor akuakultur.

YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha MOSTI, berkata, "Projek-projek ini membuktikan bagaimana inovasi dan teknologi boleh memberi impak positif kepada kehidupan masyarakat. MOSTI sentiasa komited untuk menyokong dan memacu pembangunan teknologi tempatan yang memberi manfaat langsung kepada rakyat."

Pada sebelah petang, lawatan diteruskan ke Ruang Daya Cipta (RDC) Langkawi yang terletak di *Wing B*, Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Lawatan ini bertujuan untuk meninjau kemajuan pelaksanaan fasiliti RDC yang menyediakan ruang pembelajaran, latihan dan bantuan teknikal kepada komuniti setempat.

RDC Langkawi dilengkapi dengan peralatan dan aplikasi berasaskan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE), termasuk pencetak 3D dan robotik, selaras dengan usaha mendekatkan teknologi kepada masyarakat. Sejak beroperasi pada Ogos 2022, RDC terus memainkan peranan sebagai pemangkin inovasi akar umbi yang mampan dan inklusif.

Sebagai nilai tambah, sesi lawatan turut merangkumi pelaksanaan Kursus Inspirasi 30 Hari Kandungan Media Sosial (*ChatGPT X Canva*) kepada para usahawan tempatan, sebagai sebahagian usaha memupuk kecekapan digital dalam kalangan komuniti.

TAMAT

Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai Syarikat Terhad Mengikut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 1965 dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, mengenalpasti, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 7,400 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerkasaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di www.yim.my

Hubungi:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)
Nur Aneita Abdullah Pandian
+6019-2294732
aneita@yim.my